

PELAJAR RASAI KEMERIAHAN PESTA TAMU BESAR, KOTA BELUD & PESTA BAGANDANG, BEAUFORT



Pada 29 dan 30 Oktober yang lalu, seramai 60 orang pelajar kursus Acara Operasi Khas di bawah pimpinan Cik Juliana Langgat telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pesta Bagandang Beaufort dan juga Pesta Tamu Besar Kota Belud. Lawatan ini diadakah dua hari berturut-turut kerana ianya telah termaktub dalam senarai penganjuran acara oleh Sabah Tourism Board. Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar kursus mengenai penganjuran sesuatu acara dan juga kepentingan

acara terhadap industry pelancongan. Sepanjang lawatan ini, para pelajar telah diminta untuk membuat kajian dengan melihat sejauh mana jangkauan dan kepuasan pengunjung terhadap acara kebudayaan khususnya yang diadakan di Sabah. Para pelajar diminta untuk menemu bual para pengunjung mengenai penganjuran acara tersebut. Lawatan ini juga turut disertai oleh beberapa orang pensyarah daripada SPE seperti Encik Ahmad Mosfi, Encik Rizwan, Puan Noor Fzlinda dan juga Cik Zuraidah Jamrin.